

# Terlalu banyak ganjaran

UM 18 FEB 2003

KUALA LUMPUR 17 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta semua pihak supaya tidak 'merosakkan' masa depan jaguh baru badminton negara, Muhammad Hafiz Hashim, dengan memberi terlalu banyak ganjaran.

Sambil menyatakan rasa syukur dan bangga dengan kejayaan Muhammad Hafiz menjuarai bahagian perseora-

ngan Kejohanan Badminton All England di Birmingham, England, semalam, Dr. Mahathir berkata, semua pihak perlu sedar mengenai akibat yang akan berlaku jika pemain terlalu dimanjakan dengan ganjaran.

"Sekarang, saya ingin meminta semua pihak agar tidak memanjakannya. Anda telah melihat sebelum ini apa yang mereka telah lakukan kepada

juara terdahulu, sebab anda memanjakan mereka.

"Saya harap negeri-negeri tidaklah beri tanah lima ekar, duit satu juta, lepas itu tak boleh main badminton. Dok nampak tanah, duit. Tanah, duit. Lima juta, tiga juta, dua bilion," katanya sambil mengayakan tangannya memukul bulu tangkis.

Dr. Mahathir berkata demi-

## 'rosakkan' masa depan Hafiz

kian kepada pemberita selepas menyaksikan raptai majlis pembukaan Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) ke-13 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Beliau mengulas mengenai kejayaan Muhammad Hafiz mencipta kejutan dalam sukan badminton dunia dengan muncul sebagai juara perseorangan Badminton All England.

Kejayaan pemain yang berasal dari Kelantan itu, sekaligus menamatkan penantian selama 37 tahun pemain negara menjuarai kejohanan terulung sukan badminton itu.

Muhammad Hafiz, muncul juara Seluruh England yang baru setelah menundukkan pemain pilihan utama dari China, Chen Hong 17-14, 15-10.

Selain itu, pemain berusia 20 tahun berkenaan juga mencipta kejutan dalam sejarah 104 tahun Seluruh England sebagai pemain termuda pernah menjuarai kejohanan tertua di dunia itu.

Kali terakhir pemain negara memenangi kejuaraan badminton berkenaan ialah pada 1966 menerusi Tan Aik Huang.

"Alhamdulillah, saya bersyukur dan amat gembira kerana Hafiz, bukan sahaja boleh hafal tapi dia boleh main badminton. Tahniah dan selamat maju jaya," katanya yang merujuk 'Hafiz' dalam bahasa Arab yang bererti 'hafal' atau seseorang yang mengawasi sesuatu dengan jujur.

Tambah Dr. Mahathir, Muhammad Hafiz telah bermain dengan baik dan cemerlang.